



Persatuan Suri Dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam

Cawangan Negeri Selangor

Alamat : d/a Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor,
Tingkat 19, Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam
Tel: 03-55447000 Laman Web: puspanita.selangor.gov.my

Ruj. Kami: dlm. PNS (AGAMA) 2020/ 2024 (24)
Tarikh: 11 Mac 2024

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

1. **Ketua Jabatan, Jabatan/ Agensi Kerajaan Negeri/ Persekutuan**
2. **Ahli-ahli PUSPANITA Negeri Selangor**

YBhg. Dato'/ YBhg. Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

JEMPUTAN MENGHADIRI MAJLIS TADARUS DAN KHATAM AL-QURAN PERDANA BAGI TAHUN 2024/ 1445H ANJURAN PUSPANITA NEGERI SELANGOR DENGAN KERJASAMA MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH (MSSAAS)

Dengan segala hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa PUSPANITA Negeri Selangor dengan kerjasama Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam akan mengadakan Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran Perdana bagi tahun 2024/ 1445H pada ketetapan seperti berikut:

Tarikh : 21 Mac 2024 (Khamis)/ 10 Ramadan 1445H
Masa : 8.00 pagi hingga 1.00 petang
Tempat : Dewan Solat Utama, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (MSSAAS), Shah Alam

3. Sehubungan itu, pihak kami berbesar hati menjemput YBhg. Dato'/ YBhg. Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan dan ahli PUSPANITA Negeri Selangor hadir ke majlis tersebut. Pihak kami juga memohon kebenaran dan pelepasan waktu bekerja dengan kelulusan Cuti Tanpa Rekod (CTR) mengikut Perintah Am 42 (A) Bab C bagi ahli PUSPANITA yang menghadiri program ini.

4. Bersama-sama ini dilampirkan QR Code Borang Penyertaan dan atur cara program untuk rujukan dan perhatian YBhg. Dato'/ YBhg. Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan. Sekiranya memerlukan maklumat lanjut mengenainya, YBhg. Dato'/ YBhg. Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan boleh menghubungi Puan Maryam binti Md. Zin di talian 016-3981382.

Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"Wanita Sepakat Negara Meningkat"

Saya yang menjalankan tugas,

(Ts. FARA MAZWINA BINTI AHMAD FAROUK A.M.S.)

Setiausaha

PUSPANITA Negeri Selangor

b.p. Pengerusi PUSPANITA Negeri Selangor



PUSPANITA NEGERI SELANGOR

Majlis
**TADARUS & KHATAM
AL-QURAN PERDANA**

21 Mac 2024 (Khamis) | 8.00 Pagi - 1.00 Petang

Dewan Solat Utama (Atas)
Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
Shah Alam

ATUR CARA PROGRAM

8.00 pagi :

Pendaftaran kehadiran peserta

Peserta bersedia mengambil wudhu' dan mengambil kedudukan solat
Aluan pengerusi majlis dan bacaan doa

8.30 pagi :

Solat sunat Dhuha dan Taubat

Peserta dan pembimbing kumpulan tadarus mengambil tempat

9.00 pagi :

Tadarus dan khatam Al-Quran.

Tazkirah Ramadan

Ucapan penutup oleh Pengerusi PUSPANITA Negeri Selangor

Penyampaian cenderamata

Sesi bergambar

Tamat & Bersurai

**CENDERAHATI PENYERTAAN DISEDIAKAN HANYA UNTUK
300 ORANG TERAWAL YANG DAFTAR DAN HADIR.**

Peserta hendaklah hadir dalam keadaan suci semasa program. Tema warna pakaian: Hitam



**BORANG KEBENARAN KEHADIRAN
MAJLIS TADARUS DAN KHATAM AL-QURAN PERDANA
PUSPANITA NEGERI SELANGOR
BAGI TAHUN 2024/ 1445H**

Tarikh : 21 Mac 2024/ 10 Ramadan 1445H (Khamis)
Masa : 8.00 Pagi – 1.00 Petang
Tempat : Dewan Solat Utama Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Jabatan/ Agensi :

Maklumat peserta :

BIL.	NAMA PEGAWAI/ KAKITANGAN	BAHAGIAN/ UNIT/ SEKSYEN
1.		
2.		
3.		

PENGESAHAN OLEH KETUA JABATAN/ BAHAGIAN :

Saya memberi kebenaran dan pelepasan waktu bekerja dengan kelulusan Cuti Tanpa Rekod (CTR) mengikut Perintah Am 42 (A) Bab C kepada ahli PUSPANITA Negeri Selangor yang menghadiri program ini.

Tandatangan :
Nama :
Jawatan/Gred :
Cop Rasmi/Jabatan :

*Setelah mendapat kebenaran dari Ketua Jabatan/ Bahagian, peserta dikehendaki mendaftarkan nama di pautan www.bit.ly/tadaruspns atau imbas QR Code di bawah:

